

Jangan rosakkan integriti proses pilihan raya

Utusan Online

04 April, 2013

PUTRAJAYA 3 April - Datuk Seri Najib Tun Razak mengingatkan semua parti politik yang terlibat dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) agar lebih bertanggungjawab demi mengekalkan amalan demokrasi di negara ini.

Perdana Menteri menegaskan, sikap tidak yakin dengan sokongan rakyat terhadap parti masing-masing dan cubaan menyemai racun syak wasangka boleh merosakkan kepercayaan terhadap integriti proses pilihan raya yang bakal diadakan.

"Insafilah dan ambillah iktibar daripada apa yang berlaku di negara-negara lain di mana taktik ini telah cuba diguna pakai, kesan dan akhirnya keputusan pilihan raya di negara-negara tersebut tidak lagi diyakini.

"Mana-mana kerajaan yang dipilih termasuk dari parti yang mengamalkan taktik-taktik tersebut telah ditolak rakyat.

"Negara akhirnya menjadi tidak stabil, pelabur hilang keyakinan, kemakmuran nasional merudum dan akhirnya rakyat menderita," katanya ketika berucap selepas mengumumkan pembubaran Parlimen yang disiarkan secara langsung Radio Televisyen Malaysia (RTM) di Bangunan Perdana Putra, di sini hari ini.

Menurut Najib, sejarah telah membuktikan bahawa di Malaysia sejak merdeka lagi, proses pilihan raya yang diadakan bersifat berwibawa, adil dan telus.

Katanya, kerajaan yang dipilih hasil pilihan raya umum sama ada di peringkat Persekutuan mahu pun di Dewan Undangan Negeri ialah kerajaan yang mendapat sokongan serta keyakinan majoriti rakyat sesuai dengan amalan demokrasi.

Amalan demokrasi, tegas beliau, sebagai teras pemerintahan merupakan mekanisme terbaik yang pernah dicipta manusia.

"Hakikatnya, perbezaan pendapat, idea dan pandangan bukannya penyebab malapetaka atau punca perpecahan. Malah jika ditangani dan diuruskan secara baik sejarah telah menunjukkan ia mampu mendatangkan rahmat, yang akan membahagiakan rakyat dan memajukan negara.

"Marilah kita sama-sama, sama ada parti kerajaan mahu pun parti pembangkang memberikan komitmen untuk memelihara keutuhan proses demokrasi dan menghormati keputusan yang akan dibuat oleh rakyat.

"Marilah kita bersama-sama berdoa agar pilihan raya ini akan berjalan dengan lancar aman, lancar dan selamat," katanya.

Perdana Menteri turut memberi jaminan bahawa kerajaan yang ada akan meneruskan tugas dan tanggungjawab sesuai dengan prinsip keluhuran Perlembagaan dan kedaulatan undang-undang sehingga selesai proses pilihan raya.

Katanya, jika berlaku sebarang peralihan kuasa sama ada di peringkat Persekutuan mahu pun di negeri ia akan dan perlu berlangsung secara aman dan tertib.

"Inilah iltizam kita dalam menjunjung prinsip demokrasi. Inilah tekad kita dalam menggerakkan transformasi politik.

"Inilah komitmen kita dalam menghormati suara dan mendahulukan kepentingan rakyat," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130404/dn_04/Jangan-rosakkan-integriti-proses-pilihan-raya